

Teruja naik motosikal berkuasa tinggi

Kelab Sedulur Gedhi rai anak yatim, asnaf Rumah Amal Raudhatul Jannah

KUALA LANGAT - Anak-anak yatim dan asnaf Rumah Amal Raudhatul Jannah diberi peluang merasai pengalaman menaiki motosikal berkuasa tinggi ke Bazar Ramadan Olak Lempit sempena majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan anjuran Kelab Sedulur Gedhi (SMG).

Presidennya, Musa Manan berkata, sebanyak 40 motosikal berkuasa tinggi digunakan untuk membawa anak-anak ini sebelum menjalankan pelbagai aktiviti di kawasan rumah amal berkenaan.

Menurutnya, rumah amal itu dipilih sebagai galakan kepada ahlinya untuk turus peka dalam meringankan beban dan menceriakan golongan itu.

"Budak-budak bila dapat naik motor besar macam ni memang mereka suka-suka. Masing-masing memang nampak teruja..tiada apa yang menggembirakan kami selain dapat buat anak-anak ini tersenyum."

"Kami juga beri mereka RM10 setiap seorang untuk beli makanan buka puasa sendiri bersama ahli-ahli SMG. Biar mereka pilih sendiri apa yang nak dimakan,"

katanya kepada Sinar Harian.

Selain itu, Musa meri beritahu, SMG antara kelab motosikal berkuasa tinggi yang kebanyakannya disertai oleh masyarakat Jawa sekaligus menjalankan aktiviti kebajikan bagi membantu insan-insan yang kurang bernas b baik.

Katanya lagi, pada program itu SMG turut mendapat kerjasama lima lagi kelab lain dan berjaya mengumpul sumbangan lebih RM10,000.

Sumbangan terabit disampaikan kepada Pengurus Rumah Amal Raudhatul Jannah, Zawalajam Mashod.



Zawalajam (kanan) menerima sumbangan daripada Musa.



Sebahagian penghuni Rumah Amal Raudhatul Jannah yang dirai ahli Kelab Sedulur Gedhi.



Musa bersama wakil kelab lain turut serta menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penghuni rumah amal berkenaan.